



JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA

Kementerian Pertahanan Malaysia
Blok B, Bangunan Zetro, Jalan 9/27C
Seksyen 5, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

Telefon : (60)3-40133631

Portal Rasmi : jlkn.mod.gov.my

E-mel : info.jlkn@mod.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Rujukan kami : JLKN.100-9/1/1 (60)

Tarikh : 16 Jun 2025

SIARAN MEDIA

SEMAKAN PENGAMBILAN PELATIH PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN 3.0) SIRI 3 TAHUN 2025 DIBUKA BERMULA 17 JUN 2025

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) ingin memaklumkan bahawa, **Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0** bagi **Siri 3 Tahun 2025** akan diadakan bermula pada **07 SEPTEMBER sehingga 21 OKTOBER 2025** melibatkan dua buah kem Askar Wataniah (AW) iaitu Regiment 515 (AW), Kuala Lumpur dan Regiment 505 (AW), Pekan Pahang.

Sehubungan dengan itu, semakan kepada **bakal pelatih (siri 3/2025)** bagi daftar **Kelahiran Tahun 2007** boleh dilakukan bermula seperti ketetapan berikut:

TARIKH :

17 JUN 2025 (SELASA) | MASA: JAM 10.00 PAGI

Laman Sesawang / Pautan Sistem PLKN 3.0:

<https://plkn.mod.gov.my/pelatih/semakan/form>

Bagi memastikan proses kelancaran pendaftaran dan pentadbiran pihak JLKN, para pelatih yang **terpilih (selepas semakan)** perlu memberi **MAKLUMBALAS KEHADIRAN** melalui **sistem PLKN 3.0** sehingga **11 JULAI 2025**.

Sebarang maklumat lanjut berhubung perkara ini sila hubungi **Unit Pelatih, Sektor Latihan**, JLKN di talian 03-4013 (Sam: 3612 / 3613 / 3614 / 3604 / 3603 / 3626) atau layari laman sesawang <https://jlkn.mod.gov.my>

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)

16 Jun 2025